

CNS4023

U GB 18-02 00172 BA950

bah

Mahathir - Lawatan

LAWATAN KEBANGLADESH DAN PAKISTAN CAPAI MATLAMAT, KATAMAHATHIR

KURLA LUMPUR, 18 Feb (Bernama)--Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang pagi ini dari lawatan ke Bangladesh dan Pakistan dengan menyifatkannya sebagai berjaya mencapai matlamat mcrapatkan hubungan, meningkatkan perdagangan serta kerjasama ekonomi.

Perdana Menteri berkata banyak bidang kerjasama dikenal pasti oleh kerajaan dan pemimpin sektor swasta yang mengikuti rombongan itu.

"Saya dapati kedua-dua negara begitu mesra dengan kita dan ini satu petanda baik untuk meningkatkan hubungan," katanya kepada pmbcrite setibanya di lapangan terbang di Subang selepas penerbangan selama enam jam dari Karachi.

Yang turut tiba bersama-sama Dr Mahathir ialah isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Alidan Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Radawi.

Dr Mahathir dan rombongan melawat Bangladesh selama tiga hari mulai Jumaat lepas sebelum meneruskan lawatan ke Pakistan.

Perdana Menteri berkata: "Saya percaya dengan lawatan ini kita dapat menyusuli den&n kegiatan-kegiatan perdagangan dan kerjasama antara kerajaan". -- Lagi.

♥18/02/10-26MST

CNS4032

R GB 18-02 00117 BA951

bah

Mahathir - Lawatan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata lawatan itu juga dapat meningkatkan kerjasama antara Asean dengan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO) dan Persatuan Kerjasama Serantau Asia Selatan (SAARC).

"Malaysia mungkin mencadangkan kepada Asean supaya menjemput mereka pada persidangan-persidangan peringkat menteri dan ketua-ketua kerajaan," katanya.

Katanya, walaupun ECO itu masih dalam peringkat awal, ia menunjukkan potensi untuk digunakan oleh Malaysia dalam mengadakan hubungan dagang dengan negara-negara di Asia Tengah melalui Pakistan.

"Pakistan merupakan pintu ke lautan bagi negara-negara berkenaan yang tidak mempunyai pelabuhan dan terletak jauh dari lautan," katanya.

Menurutnya, Pakistan akan membina pelabuhan-pelabuhan baru yang boleh digunakan oleh negara-negara itu. -- Bernama.

♥18/02/10-46MST